

Soalan Lazim PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF)

1. Penutupan dana sepenuhnya

- **Mengapakah Prudential menutup PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF) sepenuhnya?**
Eastspring Investments (Singapore) Limited Asia Property Securities Fund (EIS-APSF), dana sasaran pendasar PAPSF, tidak lagi boleh dilanggan mulai 16 Julai 2022, seperti yang dikemukakan pengurus dana Eastspring Investments (Singapore) Limited. Rasional penutupan dana tersebut adalah berikut saiznya yang kecil maka tidak kondusif untuk menguruskannya secara optimal.
- **Mengapakah Dana Sasaran pendasar PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF) tidak boleh diubah?**
Strategi pelaburan PAPSF memberi tumpuan kepada Dana Pelaburan Harta Tanah (REIT) tertutup yang tersenarai dan sekuriti syarikat berkaitan harta tanah. Pada masa ini, tiada tawaran dana alternatif yang mempunyai strategi pelaburan sepadan dengan PAPSF oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad atau Eastspring Investments Group, yang boleh menggantikan EIS-APSF.
- **Bagaimanakah penutupan PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF) sepenuhnya memberi impak kepada unit pelaburan saya yang sedia ada?**
Unit pelaburan sedia ada di bawah PAPSF akan dipindahkan kepada **PRULink Asia Equity Fund (PAEF)** sekiranya kami tidak menerima arahan tentang penukaran dana dari anda, selewat-lewatnya pada 4 Julai 2022. Anda juga boleh memilih untuk menukar pelaburan kepada mana-mana dana menurut senarai dana yang ditawarkan oleh polisi, yang berpandukan tahap toleransi risiko dan keutamaan pelaburan anda, jika kami menerima arahan menjelang 4 Julai 2022.
- **Bagaimanakah penutupan PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF) sepenuhnya memberi impak kepada unit pelaburan saya yang sedia ada?**
Pilihan pelaburan semasa anda kepada PAPSF akan digantikan dengan **PRULink Asia Equity Fund (PAEF)**, dengan melaburkan peruntukan peratusan premium yang berkaitan (dimaksudkan kepada PAPSF) yang dibayar mulai 16 Julai 2022 dalam PAEF jika kami tidak menerima arahan anda tentang penyaluran premium berulang menjelang 4 Julai 2022. Anda juga boleh memilih untuk menyalurkan premium berulang ke dalam mana-mana dana seperti yang ditawarkan oleh polisi, yang berpandukan tahap toleransi risiko dan keutamaan pelaburan anda, jika kami menerima arahan sebelum 4 Julai 2022.
- **Bilakah dana tersebut tidak lagi tersedia untuk pelaburan?**
Dana tidak akan lagi tersedia untuk pelaburan mulai 16 Julai 2022.

2. Penukaran unit pelaburan sedia ada dan penyaluran premium berulang

- **Apakah tindakan yang perlu diambil ke atas unit pelaburan sedia ada di bawah PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF) dan penyaluran pelaburan premium berulang?**
Anda dikehendaki memberikan arahan untuk menukar unit pelaburan sedia ada di bawah PAPSF dan menyalurkan premium berulang anda daripada PAPSF, sama ada mengikut jenis dana atau perkadaran pelaburan selewat-lewatnya pada 4 Julai 2022.
- **Adakah wajib untuk menukar semua unit pelaburan saya yang sedia ada di bawah PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF) dan menyalurkan bayaran premium berulang saya kepada PRULink Asia Equity Fund (PAEF)? Bolehkah saya memilih dana lain selain PAEF?**
PAPSF akan ditamatkan mulai 16 Julai 2022. Anda wajib untuk menukar semua unit pelaburan sedia ada di bawah PAPSF dan menyalurkan premium berulang anda. Walau bagaimanapun, anda tidak wajib menukar semua unit pelaburan sedia ada di bawah PAPSF mahupun mengalihkan premium berulang anda kepada PAEF.

Anda mempunyai pilihan untuk menukar semua unit pelaburan sedia ada di bawah PAPSF dan menyalurkan premium berulang kepada PAEF atau mana-mana dana seperti yang ditawarkan oleh polisi yang berpandukan tahap toleransi risiko dan keutamaan pelaburan anda, menjelang 4 Julai 2022.

- **Apakah yang akan berlaku jika saya tidak memberikan arahan penukaran dan/atau penyaluran premium menjelang 4 Julai 2022?**
Sekiranya anda tidak mengambil tindakan, unit pelaburan sedia ada di bawah **PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF)** akan ditukar kepada **PRULink Asia Equity Fund (PAEF)** pada 16 Julai 2022; dan/atau pilihan PAPSF sebagai pelaburan semasa anda akan digantikan dengan PAEF, dengan melaburkan peruntukan peratusan premium berkaitan (dimaksudkan kepada PAPSF) yang akan dibayar mulai 16 Julai 2022 ke dalam PAEF.

- **Mengapakah saya digalakkan untuk menukar kesemua unit pelaburan sedia ada di bawah PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF) dan menyalurkan premium berulang kepada PRULink Asia Equity Fund (PAEF)?**

PAEF adalah pilihan yang dicadangkan untuk anda pertimbangkan, susulan perubahan strategi pelaburan kerana PAEF akan berterusan memberi anda peluang agar dapat mengambil bahagian dalam ekuiti kerana liputan geografi pelaburannya yang serupa iaitu Asia Pasifik selain Jepun. Tambahan pula, PAEF memberikan ufuk pelaburan ekuiti yang lebih luas berbanding PAPSF, maka PAEF mempunyai risiko kitaran dan pemusatan yang lebih rendah berbanding PAPSF.

- **Boleh beritahu saya lebih lagi tentang PRULink Asia Equity Fund (PAEF)?**

PAEF ialah dana ekuiti asing yang melabur di rantau Asia Pasifik selain Jepun. Susulan perubahan strategi pelaburan, PAEF akan memperuntukkan ekuiti bukan sekadar menyalurkannya ke dalam Eastspring Investments (Singapore) Limited Asian Equity Fund (EIAEF) semata-mata, malah membahagikan peruntukan sama rata antara dua dana sasaran baharu iaitu Eastspring Investments Malaysia – Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund (EIMY-APTR) dan JP Morgan Asia Growth Fund (JPMAG).

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang PAEF, anda boleh merujuk kepada Lembaran Fakta Dana Induk menerusi [Savings & Investment Funds | Prudential Malaysia](#). (Nota: Prestasi lepas tidak menunjukkan prestasi masa hadapan dan prestasi dana tersebut tidak dijamin.)

- **Bilakah saya boleh menukarkan kesemua unit pelaburan sedia ada di bawah PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF) dan menyalurkan premium berulang saya?**

Anda boleh menukar kesemua unit pelaburan sedia ada di bawah PAPSF dan menyalurkan premium berulang pada bila-bila masa, selewat-lewatnya pada 4 Julai 2022. Sila ambil perhatian bahawa penyaluran premium berulang kepada pilihan dana yang diutamakan akan berkuat kuasa pada tarikh cukup premium yang akan datang.

- **Bagaimanakah saya boleh menukar unit pelaburan sedia ada dan menyalurkan premium berulang daripada PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF) kepada PRULink Asia Equity Fund (PAEF)?**

Anda boleh menukar unit pelaburan sedia ada kemudian menyalurkan premium berulang kepada PAEF dengan:

- Mengambil langkah berpanduan pautan yang diterima melalui SMS untuk menyempurnakan arahan, atau
- Melengkapkan borang yang diterima berserta surat berctek

- **Selain itu, bagaimana saya boleh menyalurkan premium berulang kepada dana selain PRULink Asia Equity Fund (PAEF)?**

Anda boleh menukar dan menyalurkan premium kepada dana lain sebagaimana yang ditawarkan oleh polisi yang berpandukan tahap toleransi risiko dan keutamaan pelaburan anda. Sila lengkapkan borang "Permohonan Pengeluaran, Penukaran, Penyaluran Premium atau Pembatalan Pengeluaran Berstuktur."

- **Berapa banyakkah unit pelaburan PRULink Asia Equity Fund (PAEF) atau mana-mana dana pilihan akan saya perolehi susulan penukaran daripada PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF) selepas penutupan dana pada 15 Julai 2022?**

Unit pelaburan PAEF atau mana-mana dana pilihan yang akan anda perolehi adalah berdasarkan jumlah nilai pelaburan PAPSF yang dipegang pada 15 Julai 2022 manakala harga unit PAEF atau mana-mana dana pilihan anda juga pada 15 Julai 2022.

- **Adakah terdapat sebarang kos yang akan saya tanggung?**

Tiada kos dikenakan ke atas anda. Perlindungan insurans anda juga tidak akan terjejas.

3. **Soalan lain**

- **Polisi saya telah luput. Bolehkah saya teruskan dengan penyaluran premium berulang/penukaran?**

Ya, boleh. Anda perlu menghidupkan kembali polisi terlebih dahulu, kemudian barulah anda boleh melaksanakan penyaluran atau penukaran dengan sewajarnya.

- **Apakah yang akan berlaku jika Hayat Yang Diasuranskan meninggal dunia dalam tempoh 90 hari yang akan datang?**

Kami akan memproses dan menunaikan tuntutan kematian seperti yang termaktub dalam polisi berkenaan.